

Ruj. : MBOT.600-8/5/1 JLD 3 (3)  
Tarikh : 26 Ogos 2025

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN**

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Ts./ Tc./ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN BERKAITAN KEPERLUAN AKREDITASI LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT) BAGI PROGRAM-PROGRAM YANG DIAKREDITASI OLEH BADAN PENANDATANGAN LAIN DI BAWAH SEOUL ACCORD**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti yang YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Ts./ Tc./ Tuan/ Puan sedia maklum, MBOT merupakan penandatangan kepada Seoul Accord, iaitu satu perjanjian pelbagai hala antara badan-badan antarabangsa yang mengawal selia akreditasi program dan pendaftaran profesional dalam bidang *computing & IT-related*. Selaras dengan perjanjian ini, program-program sarjana muda dalam bidang tersebut yang diakreditasi oleh MBOT akan diiktiraf sebagai *substantially equivalent* oleh badan penandatangan lain.
3. MBOT menyokong usaha pemberi pendidikan tinggi yang mendapatkan akreditasi tambahan daripada badan-badan antarabangsa bagi meningkatkan daya saing program di peringkat global. Walau bagaimanapun, selaras dengan Peraturan & Prosedur Seoul Accord yang diperuntukan di bawah Perkara B.8(5)(a) seperti di lampiran, program sarjana muda dalam bidang *computing & IT-related* yang ditawarkan di Malaysia tidak boleh diakreditasi secara unilateral oleh badan penandatangan lain sebelum terlebih dahulu memperoleh akreditasi daripada MBOT.
4. Peruntukan ini bertujuan memastikan bahawa pengiktirafan di bawah Seoul Accord mencerminkan kepercayaan bersama dalam kalangan badan penandatangan, tanpa menjaskan kuasa badan akreditasi profesional tempatan. Senarai badan penandatangan lain di bawah Seoul Accord adalah boleh dirujuk melalui pautan berikut: <https://www.seoulaccord.org/signatories.php>. Sehubungan dengan pemakluman ini, MBOT mempelawa institusi pengajian tinggi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Ts./ Tc./ Tuan/ Puan untuk mendapatkan akreditasi daripada MBOT bagi program-program yang diakreditasi oleh badan penandatangan lain di bawah Seoul Accord.

5. Segala perhatian dan tindakan YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Ts./ Tc./ Tuan/ Puan berhubung pemakluman ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan mengenai pemakluman ini, boleh dimajukan kepada Sekretariat Akreditasi Teknologi dan Teknikal di talian 03-8800 6211 atau melalui emel: [ttas@mbot.org.my](mailto:ttas@mbot.org.my).

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. MD FAUZI BIN MD ISMAIL)

Pendaftar

Lembaga Teknologis Malaysia

**B.8(5) Program offered within an Accord jurisdiction desiring accreditation/recognition by an Accord Signatory in another jurisdiction:**

*a. Where the Accord Signatory in the program jurisdiction accredits the program type:*

*The program must first be accredited/recognized by an Accord Signatory in the program's jurisdiction. Additional accreditation/recognition by other Signatories may be undertaken in collaboration with the jurisdiction Signatory by request of the provider and approval of the jurisdiction Signatory.*

*Recognition under the Accord will be given only if the Signatory in the home jurisdiction also accredits that program.*

Sumber: <https://www.seoulaccord.org/document.php?id=81>